



23 JUN, 2025

## Kadar elektrik sama atau lebih rendah jika tidak lebih 1,000kWj



Harian Metro, Malaysia

**Kuala Lumpur:** Pelaksanaan jadual tarif elektrik baharu mulai 1 Julai ini disifatkan sebagai antara bukti komitmen kerajaan melaksanakan reformasi besar dalam sektor tenaga negara, kata Menteri Komunikasi Datuk Fahmi Fadzil.

Fahmi yang juga Jurucakap Kerajaan MADANI berkata, langkah itu selaras dengan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) yang mensasarkan peningkatan penggunaan tenaga boleh baharu (TBB) dan pengurangan pelepasan karbon menjelang 2050.

“Di bawah jadual tarif baharu ini, sebanyak 85 peratus pengguna domestik pemilik akaun dijangka terus menikmati kadar elektrik yang sama atau lebih rendah, sekiranya penggunaan tidak melebihi 1,000 kilowatt jam sebulan bermula 1 Julai 2025.

“Ini antara reformasi besar yang sedang digerakkan secara bersepada oleh kerajaan bersama Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA), Suruhanjaya Tenaga (ST) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB).

## *Kadar elektrik sama atau lebih rendah jika tidak lebih 1,000kWj*

Ini membuktikan bahawa dalam membawa pembaharuan, manfaat kepada rakyat masih menjadi keutamaan,” katanya selepas merasmikan Karnival Kita MADANI peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya di IWK Eco Park, Pantai Dalam di sini, semalam.

Jumaat lalu, Suruhanjaya Tenaga (ST) memaklumkan, lebih 23.6 juta pengguna domestik di Semenanjung akan menikmati kadar elektrik yang lebih adil dan progresif menerusi pelaksanaan jadual tarif elektrik baharu yang telah diluluskan kerajaan.

**“Di bawah jadual tarif baharu ini, sebanyak 85 peratus pengguna domestik pemilik akaun dijangka terus menikmati kadar elektrik yang sama atau lebih rendah, sekiranya penggunaan tidak melebihi 1,000 kilowatt jam sebulan bermula 1 Julai 2025”**

*Menteri Komunikasi, Datuk Fahmi Fadzil*

Menurut ST, tarif berkenaan akan berkuat kuasa mulai 1 Julai 2025 hingga 31 Disember 2027 mengikut kerangka kerja Kawal Selia Berasaskan Insentif (IBR), selaras dengan peruntukan Seksyen 26, Akta Bekalan Elektrik 1990.

Suruhanjaya itu memaklumkan perubahan tarif elektrik bagi Tempoh Regulatori Keempat (RP4) membabitkan penstrukturkan semula tiga komponen iaitu kadar purata tarif asas, jadual tarif baharu dan mekanisme pelarasan kos bahan api.

Pelarasan kadar purata tarif asas ditentukan ber-

dasarkan anggaran kos pembekalan elektrik bagi tempoh RP4, dan ditetapkan pada kadar 45.40 sen/kWj berbanding 45.62 sen/kWj yang diluluskan pada Disember 2024, menjadikan purata kos keseluruhan tarif elektrik berkurangan sehingga 19 peratus berbanding tempoh RP3.

Terdahulu, Fahmi yang juga Ahli Parlimen Lembah Pantai merasmikan Karnival Kita MADANI yang bertujuan mendekatkan masyarakat dengan pelbagai perkhidmatan kerajaan menerusi pendedahan santai yang mengetahui isu semasa, dasar serta inisiatif kerajaan berlandaskan konsep Malaysia MADANI.

Antara pengisian program termasuk Jualan RAHMAH dan Agro MADANI, pertandingan sukan rakyat dan kanak-kanak serta pameran membabitkan 21 agensi kerajaan termasuk kaunter bayaran saman trafik dan pembaharuan lesen memandu.